

Meningkatkan Kemahiran Penggunaan Tanda Baca Dalam Bahasa Melayu Dengan Menggunakan Teknik Warna Bagi Pelajar Tahun Satu Di Universiti Fatoni

Nurnee Bukehmatee¹, Phaosan Jehwea², Ummul Ummah Tohlong³, Muhammadzofree Baru⁴

¹²³⁴ (Department of Teaching Malay Language and Educational Technology, Faculty of Education, University Fatoni) Thailand
nurnee_bktftu@ac.th¹, fazdany@ftu.ac.th², t.ummah@ftu.ac.th³, zoff.baru@ftu.ac.th⁴

ARTICLE INFO

Submit	03-07-2025	Review	07-07-2025
Accepted	08-07-2025	Published	08-09-2025

ABSTRACT

This action research was conducted to help first-year Malay Language Major students in understanding and mastering the use of punctuation marks for capital letters, commas and punctuation in writing Malay sentences. Color technique is used in this study. The study sample in this action study consists of five students who are facing problems with the use of reading marks through the results of the review of exercise books and student activity books. Research data was collected through three types of instruments, namely through structured observation, structured interviews and document analysis. The results of data analysis found that all study participants showed improvement in understanding and mastering the use of punctuation marks for capital letters, commas and full stops. Through the observation instrument, it was found that the study participants showed a high interest and concentration in using color techniques while doing worksheet activities. As for the interview instrument, it shows that the study participants better understand the concept of using three types of reading marks, and are interested in color techniques. The instrument through document analysis also showed that all study participants successfully mastered the use of punctuation marks. Overall, the results of the study show that the use of color techniques can help students to understand and master the use of reading marks effectively.

Keyword : Punctuation Marks, Malay Language, Color Technique, Fatoni University

1. Introduction

Kemahiran menulis merujuk kepada kebolehan seseorang untuk menyampaikan idea, maklumat, atau perasaan secara tertulis dengan cara yang jelas, tersusun, dan mudah difahami. Ia melibatkan penggunaan tatabahasa yang betul, struktur ayat yang sesuai, serta pemilihan perkataan yang tepat untuk menyampaikan maksud. Selain itu, kemahiran menulis juga merangkumi aspek teknikal seperti ejaan, tanda baca, dan pengorganisasian idea dalam bentuk paragraf yang logik. Dalam konteks pendidikan, kemahiran menulis sangat penting kerana ia menjadi salah satu alat utama untuk mengukur tahap pemahaman pelajar terhadap sesuatu subjek, serta membina keupayaan pelajar untuk berkomunikasi secara formal dalam bidang akademik dan profesional.

Kemahiran menulis merupakan salah satu kemahiran bahasa Melayu yang perlu dikuasai oleh setiap pelajar sejak bermula di sekolah rendah, menengah dan peringkat universiti. Kemahiran menulis juga merupakan kemahiran yang terakhir yang menjadi

puncak dalam penguasaan Bahasa Melayu. (Kamarudin Hj. Husin dan Siti hajar Hj. Abd. Aziz, 1997).

Aspek tanda baca yang asas seperti tanda noktah, koma, dan penggunaan huruf besar bagi permulaan ayat dan pengejaan kata nama khas dalam sistem ejaan, amat penting dikuasai pada peringkat awal dalam sistem pendidikan. Aspek ini juga perlu memberi penekanan dan perhatian yang serius. Selain itu, penggunaan huruf besar juga adalah penting dan perlu dibudayakan sejak awal persekolahan lagi. Ibarat kata pepatah Melayu, “melentur buluh biarlah dari rebungnya” Dalam konteks ini untuk melahirkan pelajar mahir dalam penulisan tanpa melakukan kesalahan dalam karangan perlu diasuh dalam tahap satu lagi.

Penguasaan kemahiran ini amat penting untuk mereka mencapai kejayaan yang lebih cemerlang pada masa hadapan. Penguasaan yang baik dalam kemahiran menulis ini membolehkan pelajar-pelajar melahirkan idea dan pendapat serta pandangan mereka melalui penulisan. Kemahiran menulis yang baik juga

dipengaruhi oleh penguasaan aspek tatabahasa yang baik oleh seseorang pelajar.

Kesilpan menggunakan sejumlah tanda baca dalam penulisan atau kesalahan dalam pengejaan bentuk-bentuk kata tertentu akan mencacatkan mutu penulisan dan mempengaruhi maksud ayat. Ini bermakna, penggunaan tanda baca yang salah akan menyebabkan fungsi ayat berubah daripada maksud sebenar yang hendak disampaikan. Keadaan ini sudah tentu menyulitkan pemahaman pembaca malah menimbulkan makna konotasi yang berbagi-bagai. Jika begitu, perlulah hal ini diberi penekanan dalam pembelajaran supaya pelajar menjadi lebih peka mengenai fungsi dan bentuk tanda baca dan ejaan dalam penulisan mereka.

Berdasarkan daripada masalah yang dinyatakan di atas, pengkaji telah pun menfokuskan kes kajian tindakan ini kepada aspek penggunaan tanda baca dalam penulisan bagi pelajar-pelajar tahun satu, Jurusan Bahasa Melayu dan Teknologi Pendidikan dengan menggunakan teknik warna. Pelajar-pelajar selalu mengambil sikap sambil lewa terhadap kesalahan ini. Mereka tidak mengigakan huruf besar pada tempat yang betul. Pengkaji ingin meningkatkan kemahiran pelajar dalam penggunaan tanda baca supaya kesalahan ini tidak akan berulang dan terbawa-bawa dalam penulisan ayat nanti.

Penggunaan warna dalam pengajaran dan pembelajaran tidak dapat dipisahkan dengan pelajar-peja dengan tidak kira peringkat. Warna juga mempengaruhi kecekapan, emosi dan perhatian pelajar dalam pembelajaran. Dengan erti kata lain, penggunaan warna telah terbukti memainkan peranan penting dalam merangsang emosi yang berlainan dan menarik perhatian pelajar (Chang, Xu, & Watt 2018). Malah, warna-warna tertentu dapat memberikan kesan kepada ingatan kita terhadap sesuatu yang pernah dilihat atau dipelajari, di samping warna memudahkan kita untuk mengingati semula sesuatu, sama ada ingatan itu disimpan dalam ingatan jangka pendek atau jangka panjang. Kenyataan ini sejajar dengan pendapat Dzulkifli & Mustafar (2013) yang mempercayai bahawa warna adalah pengalaman visual manusia yang paling penting. Ia berfungsi sebagai saluran maklumat yang berkesan kepada sistem kognitif manusia dan didapati berperanan penting dalam menguatkan ingatan (Olurinola & Tayo, 2015). Selain itu, warna juga dapat dijadikan sebagai suatu alat yang dapat mengurangkan tempoh pencarian dan memungkinkan pelajar mencari suatu maklumat dengan kadar yang lebih cepat (Keller & Grimm, 2005).

Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk:

- Membantu pelajar memahami fungsi penggunaan huruf besar, tanda koma dan tanda noktah dengan menggunakan teknik warna.
- Meningkatkan pemahaman pelajar terhadap penggunaan huruf besar, tanda koma dan tanda

noktah dalam penulisan bahasa Melayu dengan menggunakan teknik warna.

Soalan Kajian

Soalan kajian ini ialah:

- Adakah penggunaan teknik warna dapat membantu pelajar memahami fungsi penggunaan huruf besar, tanda koma dan tanda noktah?
- Adakah penggunaan teknik warna dapat meningkatkan pemahaman pelajar terhadap penggunaan huruf besar, tanda koma dan tanda noktah dalam penulisan bahasa Melayu?

2. Research Methods

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan reka bentuk kajian tindakan. Model Kemmis & McTaggart (1998) digunakan dalam kajian tindakan ini. Pengkaji memilih model ini disebabkan model Kemmis & McTaggart ini sesuai dilaksanakan dalam kajian ini dapat ditunjukkan dalam Rajah 1. Rajah 1 : Model Kemmis & McTaggart 1998



Rajah 1 : Model Kemmis & McTaggart 1998

Sasaran Kajian

Kajian ini melibatkan 5 orang pelajar tahun satu dari Jurusan Bahasa Melayu dan Teknologi Pendidikan di Universiti Fatoni.

Batasan Kajian

Tanda baca yang ditekankan dalam kajian dibataskan kepada aspek berikut:

- Tanda Noktah (.);
- Tanda Koma (,); dan
- Huruf Besar

Kaedah Pengumpulan Data

Dalam kajian tindakan ini tiga kaedah pengumpulan data digunakan, iaitu pemerhatian berstruktur, temu bual berstruktur dan analisis dokumen. Pemerhatian secara berstruktur dilakukan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Pemerhatian dijalankan dengan menggunakan senarai semak yang disediakan. Kaedah temu bual juga digunakan dalam kajian ini terhadap

peserta kajian. Kaedah analisis dokumen juga digunakan oleh pengkaji untuk menganalisis buku aktiviti, buku Latihan dan lembaran kerja pelajar.

Cara Menganalisis Data

Dapatan data kajian tindakan ini dianalisis berdasarkan tiga jenis instrumen, iaitu pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Bagi data pemerhatian, pengkaji menggunakan senarai semak dan dirumuskan dalam bentuk jadual serta dihurai secara deskriptif. Bagi menganalisis dapatan data temu bual pula, pengkaji mencatatkan hasil temu bual bersama peserta kajian. Hasil dapatan temu bual dirumuskan ke dalam bentuk jadual. Seterusnya analisis dokumen pula, hasil kerja peserta kajian disemak untuk mengenal pasti pencapaian dan pemahaman mereka terhadap penggunaan tanda baca. Pengkaji mencatat bilangan jawapan yang betul daripada jumlah soalan yang diberikan berdasarkan lembaran kerja yang diberikan dalam bentuk petikan..

3. Results and Discussions

i. Pemerhatian

Pemerhatian ini dilakukan dengan menggunakan senarai semak yang disediakan oleh pengkaji sebelum menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran. Jadual 1 berikut merupakan dapatan pemerhatian melalui senarai semak terhadap 5 orang peserta kajian.

Jadual 1 : Dapatan Pemerhatian Menggunakan Senarai Semak

Item	Peserta Kajian					Jumlah	Peratus (%)
	P1	P2	P3	P4	P5		
1	✓	✓	✓	✓	✓	5	100
2	✓	×	✓	✓	✓	4	80
3	✓	✓	✓	✓	✓	5	100
4	✓	×	✓	×	✓	3	60
5	✓	✓	✓	✓	✓	5	100

✓ Ya ✗ Tidak

Jadual 1 ini menunjukkan dapatan hasil pemerhatian menggunakan senarai semak kepada 5 orang peserta kajian. Bagi item 1, mendapat 100%, iaitu peserta kajian memberi kerjasama dengan pensyarah, mereka memberi perhatian semasa penerangan konsep penggunaan tanda baca bagi huruf besar, tanda koma dan tanda noktah. Bagi item 2 pula, sebanyak 4 orang peserta kajian dapat menjawab soalan yang ditanya oleh pensyarah, berkaitan dengan konsep penggunaan tiga jenis tanda. Bagi item 3 mencatatkan 100%, iaitu peserta kajian melibatkan diri secara aktif semasa sesi pengajaran dan pembelajaran menggunakan teknik warna bagi menangani masalah kesalahan penggunaan tanda bacaan dalam penulisan. Bagi item 4 pula memperoleh 60 % sahaja kerana hanya 3 orang peserta kajian ada bertanya soalan kepada pensyarah tentang cara penggunaan teknik warna semasa dalam pengajaran dan pembelajaran. Sementara 2 orang peserta kajian merupakan pelajar yang agak pendiam dan

jarang bertanya soalan kepada pensyarah. Bagi item yang terakhir, iaitu item 5 mencatatkan 100% kerana peserta kajian dapat menjalankan aktiviti dengan baik melalui lembaran kerja yang diberikan menggunakan teknik warna dengan bersungguh-sungguh dan penuh fokus.

ii. Temu Bual

Jadual 2: Dapatan Temu Bual Terhadap Peserta Kajian

	Soalan					
	S1		S2		S3	
	Y	T	KJ	Y	T	KJ
P1	✓			✓		
P2	✓			✓		
P3	✓					✓
P4	✓				✓	
P5	✓			✓		✓
Jumlah	5			5	3	2
Peratus (%)	100			100	60	40

Y= Ya T= Tidak KJ= Kurang Jelas

Berdasarkan Jadual 2 di atas, menunjukkan rumusan dapatan temu bual bagi 5 orang peserta kajian. Bagi soalan pertama (S1), memperoleh 100% kerana peserta kajian menyatakan bahawa mereka memahami konsep penggunaan tanda baca bagi huruf besar, tanda koma dan tanda noktah bagi penulisan ayat bahasa Melayu selepas intervensi dijalankan. Manakala bagi soalan kedua (S2) pula, turut mencatat 100%, iaitu peserta kajian menyatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran tentang penggunaan tiga jenis tanda bacaan dengan menggunakan teknik warna dapat menarik perhatian mereka untuk belajar. Bagi soalan ketiga (S3,) hanya memperoleh 60% sahaja. Hal ini demikian kerana terdapat 2 orang peserta kajian masih kurang yakin mereka dapat membuat latihan tanda baca dengan betul sekiranya diberikan lembaran kerja lain berkaitan tanda baca. Namun, secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian melalui temu bual menunjukkan terdapat peningkatan pemahaman murid terhadap tanda baca.

iii. Analisis Dokumen

Hasil dapatan kajian melalui analisis dokumen yang diperoleh oleh pengkaji dengan memberikan lembaran kerja kepada 5 orang peserta, kajian telah menunjukkan tiada peserta yang dapat menjawab soalan dengan tepat dengan semua jenis tanda baca. Terdapat seorang peserta pula berjaya mencapai 18 markah daripada 20 markah keseluruhan. Bagi peserta kajian yang lain pula mencapai markah keseluruhan yang hampir sama markah dan hanya terdapat kesalahan yang sedikit sahaja kerana pelajar tidak memahami maksud perkataan. Secara keseluruhannya, semua peserta kajian berjaya mencapai tahap pencapaian yang baik,

Jadual 3: Dapatan Analisis Lembaran Kerja bagi 5 Orang Peserta

Peserta	Huruf Besar	Tanda Koma	Tanda Noktah	Markah Keseluruhan	Tahap Pencapaian
P1	9	4	5	18	Baik
P2	8	4	5	17	Baik
P3	8	4	4	16	Baik
P4	8	4	3	15	Baik
P5	8	4	4	16	Baik

4. Conclusion

Kajian tindakan ini dilaksanakan bagi membantu peserta kajian memahami dan menguasai penggunaan huruf besar, tanda koma dan tanda noktah dalam Kelas Kemahiran Bahasa Melayu dengan menggunakan teknik warna dengan betul. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan teknik dengan menggunakan pen warna dan majalah dalam pembelajaran tanda baca. Berdasarkan latihan dan bimbingan yang diberikan sepanjang sesi intervensi, pengkaji mendapati penggunaan teknik warna dapat membantu peserta kajian dalam pembelajaran dan penguasaan penggunaan tanda baca bagi huruf besar, tanda koma dan tanda noktah. Peserta kajian juga memberikan respons yang positif terhadap pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan teknik warna ini dalam penulisan bahasa Melayu. Selain itu, penggunaan teknik warna juga dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang tenang dan menyeronokkan kerana pelajar dapat memahami dengan lebih jelas. Malah, warna dapat mengekalkan tumpuan dan perhatian pelajar dalam pembelajaran dan membantu mereka mengingat sesuatu dengan jangka masa yang lebih lama.

Reference

- Chang, Bo., Xu, Renmei, & Watt, Tiffany. (2018). The Impact of Colors on Learning. Adult Education Research Conference 2018, University of Victoria, Canada, June 7-10.
- Che Zanariah Che Hassan & Fadilah Abd Rahman. (2011). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Menulis Di Sekolah Rendah. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, Vol.1, Bil.1 (Mei 2011): 67-87.
- Dzulkifli & Mustafar. (2013). The influence of colour on memory performance: A review. Malaysia Journal of Medical Sciences, 20(2), 3-9.
- Melvina Chung Hui Ching. (2018). Keberkesanan Penggunaan Teknik Warna dalam Pengajaran Penulisan Bahasa Melayu ect on Rate of Graduate Students. Journal of Education and Practice, Vol.6, No.14, 2015, 1-6.
- Yahya Othman. (2005). Trend dalam Pengajaran Bahasa Melayu. Bentong: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Yahya Othman & DK. Suzanawaty PG. Osman. (2014). Keupayaan Menguasai Kemahiran Menulis Melalui Pembelajaran Berasaskan Projek Dalam Penulisan Berbentuk Risalah Di Sekolah Rendah. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, Vol.4, Bil.1 (Mei 2014): 19-29..